

03 SEP 1996

Mahathir-Perdamaian

MALAYSIA MENYAMBUT BAIK PERJANJIAN DAMAI MANILA-MORO

KUALA LUMPUR, 3 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata, Malaysia menyambut baik perjanjian damai antara kerajaan Filipina dan Barisan Pembebasan Kebangsaan Moro (MNLF) yang ditandatangani di Manila semalam.

Beliau berkata, perjanjian damai selepas peperangan selama 24 tahun yang mengorbankan lebih 125,000 di wilayah Mindanao akan membolehkan Malaysia melabur di selatan Filipina untuk membantu meningkatkan status sosio-ekonomi umat Islam di wilayah itu.

"Apabila Selatan Filipina telah maju, penduduk di situ tidak lagi perlu berpindah ke negara lain untuk mendapatkan pekerjaan tetapi (di sebaliknya) boleh bekerja di negara sendiri," kata beliau.

Dr Mahathir memberitahu pemberita demikian selepas merasmikan perhimpunan agung Parti Progresif Penduduk Malaysia (Baru) (PPP), di sini.

"Selatan Filipina adalah rantau yang kaya, dan ia akan menjadi bertambah kaya berbanding beberapa bahagian Malaysia. Tetapi oleh kerana tiada keamanan, ia tidak dapat maju," kata beliau.

"Masalahnya ialah kerana peperangan di selatan telah memusnahkan mata pencarian mereka dan oleh kerana itu mereka berpindah. Jika mereka mempunyai pilihan untuk bekerja di negara sendiri, saya pasti mereka akan berbuat demikian," kata beliau.

Beratus-ratus ribu rakyat Filipina melarikan diri ke Sabah untuk menyelamatkan diri daripada peperangan sejak dua dekad yang lepas.

Perdana Menteri berkata, sektor swasta Malaysia akan digalakkan melabur di selatan Filipina dan beliau berharap rakyat negara ini akan diterima sebagai pelabur yang dapat membina semula negara itu.

Nur Misuari, pemimpin MNLF, menandatangani perjanjian itu yang dirundingkan lebih empat tahun bersama ketua perunding kerajaan, Manuel Yan dan ia disaksikan oleh Presiden Fidel Ramos.

Dr Mahathir berkata: "Sudah pasti, pelampau daripada kedua-dua kumpulan tidak akan bersetuju (mengenai perjanjian itu)...tetapi pada hakikatnya mesti ada kompromi dan ini ialah kompromi.

"Kita mesti menerima kompromi dalam menyelesaikan sebarang pertikaian, kedua-dua pihak mesti sanggup memberi sesuatu bagi mendapatkan sesuatu. Adalah lebih baik mendapatkan 20 peratus daripada perniagaan yang menguntungkan berbanding mendapatkan 100 peratus daripada perniagaan yang mengalami kerugian," kata beliau.

"Anda bergaduh, anda tidak akan mendapat apa-apa dan oleh kerana kerajaan Filipina kini lebih bersedia mengiktiraf hak umat Islam di Filipina, saya berpendapat adalah perlu bagi umat Islam untuk menerima hakikat yang mereka berada di Filipina dan mereka perlu mematuhi peraturan dan undang-undang di negara itu," kata beliau. -- BERNAMA

ZAB NHD PR